



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

**Kompleks Kementerian Kewangan**  
No.5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : [www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)

SULIT

MOF.DS(S)600-40/3/3 ( 19 )

17 Mei 2019

**Semua Ketua Setiausaha Kementerian**  
**Semua Jabatan Persekutuan**

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**BANTUAN KHAS KEWANGAN *CONTRACT FOR SERVICE***  
**TAHUN 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan bersetuju untuk memberi Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* kepada individu *contract for service* yang disetarakan pada gred 54 dan ke bawah sebanyak RM450.00. Sehubungan itu, semua individu *contract for service* yang masih berkhidmat pada 24 Mei 2019 layak menerima Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service*.

3. Pesara Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat secara *contract for service* layak menerima Bantuan Khas Kewangan pada kadar RM450.00. Pembayaran sebanyak RM225.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM225.00 akan dibayar oleh Jabatan baharu individu *contract for service* bertugas.

SULIT

SULIT

4. Pembayaran adalah tertakluk kepada syarat bahawa individu *contract for service* telah memberi khidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut termasuk Cuti Rehat, Cuti Sakit, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2019 hingga 24 Mei 2019.

5. Bantuan Khas Kewangan *Contract For Service* ini hanya diberikan kepada individu *contract for service* warganegara Malaysia dan akan dibayar pada 24 Mei 2019.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)**

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Ketua Audit Negara

Akauntan Negara Malaysia